



Doa Majlis Persaraan

Persaraan adalah sesuatu yang sangat sinonim dengan dunia pekerjaan terutama sekali yang bekerja di sektor awam. Persaraan juga merupakan detik tamatnya perkhidmatan seseorang itu dengan majikannya.

Oleh itu wajarlah kiranya majlis persaraan seseorang itu tak kiralah sama ada beliau seorang guru, pegawai kerajaan atau apa jua pekerjaan diakhiri dengan iringan **bacaan doa majlis persaraan**.

Bacaan Doa Persaraan

[infobox style="alert-success"]

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

(Bismillahir Rahmaānir Rahiim)

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى اَشْرَفِ
الْاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِیْنَ
وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ

(Alhamdulillah robbil 'aalamiin
Wasolaatu wassalaamu 'alaa asyrafil anbiyaa'i wal mursaliin
Wa 'alaaalihi wasohbihi ajma'in)

Ya Allah Ya Rahman, Ya Aziz, Ya Ghaffar

Pada saat dan detik yang bersejarah ini, kami menghulurkan tangan pengharapan, memohon ihsan dan rRahmatMu, agar Engkau anugerahkan kesejahteraan, taufiq dan hidayah, juga kesabaran, ketabahan dan kekuatan kepada

Dato'/Datin/Encik/Puan _____ (Nama Pegawai)_____

yang akan bersara dan menamatkan perkhidmatannya sebagai

_____ (Nama Jawatan)_____.

Moga baginya selepas bersara nanti, kehidupan yang penuh gembira, ceria dan bahagia, serta dikurniakan dengan kesihatan, kesejahteraan, ketenteraman dan juga ketenangan.

Ya Allah, Ya Aalim, Ya Qaadhial Hajat

Kurniakanlah kepadanya dengan ganjaran, syafaat dan keredhaan atas segala jasa dan pengorbanan yang telah beliau curahkan sepanjang perkhidmatan beliau di

_____ (Nama Sekolah/Jabatan/Kementerian)_____

ini. Kau limpahkanlah Rahmat dan BerkahMu, sebagai ganjaran kepada semangat juang yang tidak pernah mengenal erti putus asa, di dalam memikul tanggungjawab pemimpin yang sentiasa berusaha menyumbang tenaga, idea dan kepakaran, demi

kecemerlangan organisasi. Engkau jadikanlah kesemuanya sebagai amal jariah yang berkekalan ganjarannya sampai bila-bila kepada beliau tanpa tertinggal walau sedikitpun. Sesungguhnya hanya Engkaulah sebaik-baik dan selayak-layak pemberi balasan, dan hanya Engkaulah sahaja yang mampu membalasnya.

Jadikanlah kami Ya Allah, daripada kalangan hamba-hambaMu yang taat dan bersyukur. Jauhkanlah kami Ya Allah, daripada melanggar perintahMu. Kurniakanlah kepada kami kesihatan yang berpanjangan, kesejahteraan yang sempurna, fikiran yang waras, minda yang cergas, rezeki yang halal, zuriat dan generasi yang beriman serta kurniakanlah kepada kami segala kebaikan di dunia dan juga di akhirat.

Ya Allah Ya Zal Jalali Wal Ikram

Jadikanlah pertemuan ini sebagai pertemuan yang dirahmati, dan jadikanlah perpisahan ini sebagai perpisahan yang diberkati. Janganlah Engkau jadikan perpisahan ini sebagai pemutus silaturrahim antara kami. Sebaliknya Engkau kekalkanlah ukhuwah yang telah sekian lama terjalin antara kami.

رَبِّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ
سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا
يَصِفُونَ
وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

(Rabbana aatinaa fid dunya hasanah

Wa fil aakhirati hasanah, waqinaa 'azaaba Nnaar

Subha narabbika rabbi izzati amma yaasifunn
Wasalaa munn alal mursaliin
Walhamdulillahi robbil 'alamiin)

[/infobox]

Boleh kongsi jika bermanfaat.